

Kiriman Wang Perantau Elak Indonesia Terima Impak Krisis Ekonomi Global 2008
Bernama
26 Julai, 2012

JAKARTA, 26 Julai (Bernama) -- Kiriman wang berjumlah lebih Rp100 trilion setahun oleh kira-kira enam juta tenaga kerja Indonesia di 116 negara dipercayai antara sebab republik itu tidak menerima kesan buruk krisis ekonomi global. (Rp100 = RM0.033).

Pandangan itu dinyatakan Ketua Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia (BNP2TKI) Jumhur Hidayat yang berkata analisis Bank Dunia menunjukkan republik tersebut antara negara yang tidak menerima kesan krisis ekonomi global pada 2008-2009.

Negara lain ialah Filipina, Bangladesh, China dan Mexico, katanya.

"Setelah diteliti secara saksama ternyata negara-negara tersebut mempunyai pekerja migran yang sangat banyak di luar negeri," katanya di Medan, Khamis.

Beliau berkata para pekerja terbabit mengirim wang ke negara masing-masing sehingga menambah hasil negara mereka dan mampu menggerakkan ekonomi.

Katanya sebahagian besar tenaga kerja Indonesia di luar negara ialah pekerja sektor formal, manakala penempatan pekerja tidak formal atau pembantu rumah hanya di 14 negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683441>

